



**KETUA POLIS DAERAH,  
IBU PEJABAT POLIS DAERAH,  
POLIS DIRAJA MALAYSIA,  
PERSIARAN DAMAI,  
40000 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

Tel: 03-55145171  
Fax: 03-55145125

**" TEGAS, ADIL DAN BERHEMAH "**

Ruj: 134/2/2

Tarikh: **13** Jan 2008

Selangor Bar Committee  
No. 41 Jalan Bola Jaring 13/15, Section 13,  
40100 Shah Alam


**Selangor.**

(u/p : **En.Salim B.Bashir - Pengerusi Jawatan Kuasa Jenayah** )

**KAWASAN LETAK KENDERAAN DI PERSIARAN PEGAWAI  
SEKSYEN 5 SHAH ALAM , SELANGOR .**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas .

2. Berhubung dengan perkara di atas, pihak kami sedia maklum mengenai projek mengubahsuai bangunan mahkamah yang baru masih lagi di dalam pembinaan, dimana ianya telah menyebabkan berlakunya kesesakan yang teruk di tempat letak kenderaan yang disediakan oleh pihak pentadbiran mahkamah. Bagi mengatasi masalah ini, pihak polis membenarkan kenderaan diletakkan di sepanjang bahu Jalan Persiaran Pegawai Seksyen 5 Shah Alam dan juga di bahu Jalan Persiaran Jalan Raja Muda ( laluan pejalan kaki ) .



3. Kebenaran yang diberikan oleh pihak kami ini walaubagaimana pun tertakluk kepada syarat –syarat di bawah ini :-

3.1 Kawasan yang dibenarkan untuk meletakkan kenderaan hendaklah mengikut lampiran yang dikepilkan bersama surat ini .

3.2 Kebenaran ini adalah bersifat sementara dan ianya boleh dibatalkan pada bila –bila masa .

3.3 Pemilik kenderaan adalah bertanggungjawab terhadap segala risiko secara persendirian ke atas kenderaan yang diletakan di sepanjang bahu jalan tersebut .


3.4 Pemilik kenderaan perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa .

4. Dengan penerimaan surat ini, maka surat kebenaran yang terdahulu adalah terbatal. Saman akan dikeluarkan terhadap pemilik mana – mana kenderaan yang diletakkan tidak mengikut lakaran yang dikepilkan.


5. Untuk makluman tuan .

Sekian , terima kasih .

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

  
(NOOR AZAM BIN JAMATUDIN) ACP  
KETUA POLIS DAERAH  
SHAH ALAM.

# KOMPLEK MAHKAMAH SHAH ALAM



*Ruslan*  
(RUSLAN B. ABDULLAH) DSP  
KBKA / KTD  
IBU PEJABAT POLIS  
DAERAH SHAH ALAM  
SELANGOR